

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

www.facebook.com/library.uitmwww.instagram.com/ptaruitmperpustakaanuitm.blogspot.my

BENGKEL 4th INDUSTRIAL REVOLUTION & LIBRARY 4.0: WHERE ARE WE?



25 September 2017, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam telah mengadakan **Bengkel 4th Industrial Revolution and Library 4.0: Where Are We?**. Tujuan utama bengkel ini adalah sebagai pendedahan kepada aspek Revolusi Industri ke-4 serta halatuju perpustakaan khususnya perkhidmatan supaya selari dengannya (ke arah Library 4.0). Bengkel ini juga berjaya merangka pelan tindakan melalui perbincangan atau dialog dan input intelektual yang diberikan. Bengkel ini telah dihadiri peserta dari Perpustakaan Tun Abdul Razak dan juga UiTM Cawangan. Turut serta 20 peserta dari IPTA seluruh Malaysia. Bengkel ini dapat memantapkan perkhidmatan perpustakaan selaras dengan kepesatan teknologi di era Revolusi 4.0. Ini juga akan memastikan perpustakaan akan terus menjadi relevan dalam menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

BENGKEL 4th INDUSTRIAL REVOLUTION AND LIBRARY4.0: WHERE ARE WE?



26 September 2017 (Selasa)

Sesi 1

TN 50 : Hala tuju TN 50 Negara

Penceramah: Encik Khairul Anuar Khalid
Unit Khas TN50 & Unit Penyampaian Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri



Sesi 2

Cabar dan solusi Revolusi dalam menuju revolusi Industri ke-4

Penceramah: Dr. Zulhasni bin Abdul Rahim
National TRIZ Innovation & Industry Expert
Malaysian-Japan International Institute of Technology (MJIT)



Sesi 3

Big Data

Penceramah: Tuan Haji Mohd Ariffin bin Adimin
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)



Sesi 4

Techno-update sharing session

Penceramah: Tuan Haji Ahmad Faizar Jaafar
Pustakawan Kanan, PTAR

27 September 2017 (Rabu)



Sesi 5

The 5th Human Revolution (Revolusi Insan ke-5)

Penceramah: Tan Sri Dato' Prof Dzulkifli Abdul Razak
Pengerusi Lembaga Pengarah USIM



Sesi 6

MOOC's

Penceramah: Prof Dato' Dr Mohamed Amin Embi
Chief Information Officer/Director
Pusat Pengajaran & Teknologi Pembelajaran
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

PAMERAN HARI MALAYSIA



Hari Malaysia disambut pada 16 September setiap tahun untuk memperingati penubuhan persekutuan Malaysia di tarikh yang sama pada tahun 1963. Justeru itu Perpustakaan Tun Abdul Razak dengan usahasama Jabatan Penerangan Negeri Selangor telah menganjurkan Pameran Hari Malaysia. Dipaparkan juga buku & poster berkisar Hari Malaysia. Pameran ini berlangsung sepanjang September 2017.



AUDIT DALAM BIL. 2/2017

Bagi memastikan proses kerja dilaksanakan mengikut prosedur dan arahan kerja yang ditetapkan, PTAR telah melaksanakan Audit Dalam Bil. 2/2017 pada 11-12 September 2017 yang melibatkan 15 bahagian dan 6 perpustakaan fakulti. Tema audit kali ini adalah **'Akauntabiliti Melestari Kecemerlangan Perkhidmatan'**. Pelan Audit telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pembukaan Audit Dalam oleh Ketua Sistem Audit dengan dibantu Timbalan Ketua Sistem Audit. Skop audit merangkumi:

- 1. Perolehan;**
 - a. Kewangan**
 - b. Buku**
 - c. Jurnal**
 - d. ICT**

- 2. Penyediaan Perkhidmatan;**
 - a. Perkhidmatan Pelanggan & Koleksi**
 - b. Pengurusan Sistem Perpustakaan**
 - c. Perkhidmatan Akademik**



LAWATAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR) KE PERPUSTAKAAN DIGITAL TAN SRI DR. ABDULLAH SANUSI

Pada 11 September 2017 (Isnin), Bahagian Pengurusan Pelanggan dan Koleksi, Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan telah melawat Perpustakaan Digital Tan Sri Dr. Abdullah Sanusi Kampus Utama OUM Kuala Lumpur. Lawatan ini disertai oleh 5 orang pegawai yang diketuai oleh En. Jamalludin Sulaiman (Ketua Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan), En. Norhazlan Nordin, En. Mohd Alfarabie Mohd. Nasir, Pn. Nor Azwani Mohamad dan Cik Seri Ida Idayu Sarffuddin. Tujuan lawatan ini adalah untuk membincangkan berkenaan program-program usahasama antara PTAR UiTM dan PDTSDAS OUM dalam memperluaskan perkhidmatan, kemudahan dan sumber bahan rujukan Perpustakaan UiTM kepada warga OUM.



Pengisian semasa lawatan kerja ini dimulakan dengan taklimat universiti dan PTAR, sesi perbincangan program kerjasama yang boleh dilaksanakan dan seterusnya lawatan ke PDTSDAS. Agenda utama lawatan adalah untuk mengadakan jalinan kerjasama melalui projek K-Society PTAR yang diketuai oleh Pn. Nor Azwani dengan memperkenalkan produk perkhidmatan Keahlian Luar Perpustakaan kepada pelajar pasca siswazah OUM. Pelajar pasca siswazah ini boleh menjadi sasaran utama keahlian luar perpustakaan kerana mereka memerlukan bahan rujukan yang lebih komprehensif dalam berbentuk digital/elektronik.

***"Agenda utama lawatan
adalah untuk
mengadakan jalinan
kerjasama melalui projek
K-Society PTAR"***



BENGKEL PENGURUSAN REKOD

Jabatan Arkib Universiti telah berjaya menganjurkan Bengkel Pengurusan Rekod bagi Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Rekod Jabatan (PTRJ) dengan kerjasama Pensyarah dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Selangor pada 11-12 September 2017. Bengkel yang diadakan di Auditorium Perpustakaan Undang-undang Tun Abdul Razak telah dihadiri seramai 59 orang PRJ dan PTRJ yang dilantik dari seluruh sistem UiTM. Antara objektif bengkel ini ialah untuk mengenalpasti konsep dan perundangan pengurusan rekod mengikut Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629).



Disamping itu juga, staf yang menguruskan rekod di jabatan masing-masing dapat melaksanakan urusan sistem fail dengan sistematik mengikut piawaian dan prosedur rekod yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia. Selain daripada itu, PRJ dan PTRJ dapat memahami tugas dan tanggungjawab dalam mengendali dan menyelenggara semua dokumen rasmi yang dikeluarkan dan diterima oleh jabatan. Penceramah yang telah menjayakan bengkel ini adalah Profesor Madya Dr. Aliza Ismail, Encik Kamarul Azwan Azman, Encik Jafalizan Md Jali, Datin Jannatul Iza Ahmad Kamal & Encik Mohd Nizam Yunus.




PTAR KAMPUS DENGKIL

NAIB JOHAN PERINGKAT UiTM

Penglibatan kali pertama PTAR Kampus Dengkil (PKD) peringkat UiTM sempena bulan kemerdekaan 2017 berjaya membuatkan hasil apabila memenangi Naib Johan dalam Pertandingan Hiasan Sudut Kemerdekaan Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan 2017 Peringkat UiTM anjuran Fakulti Sains Gunaan, UiTM Shah Alam. Tema yang perlu diikuti adalah Negaraku Sehati Sejiwa. Setiap fakulti atau bahagian yang menyertai pertandingan ini perlu menyediakan satu sudut kemerdekaan yang dihias berdasarkan tema kemerdekaan tahun ini. Oleh itu, PKD telah menyediakan satu sudut yang dihias dengan konsep santai infografik berkenaan Malaysia serta hasil karya pelajar dari subjek Malaysian Studies.



Selain itu, tayangan video berkisar mengenai pra Kemerdekaan yang diperoleh dari Arkib Negara turut ditayangkan sebagai selingan untuk tontonan pengguna perpustakaan. Juri daripada Fakulti Sains Gunaan telah hadir pada 15 September 2017 dan diiringi oleh staf PKD untuk sesi taklimat serta lawatan. Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Dekan FSG pada 16 September sempena sambutan Hari Malaysia bertempat di Padang Kawad UiTM Shah Alam.



RUANG 'KAFE KEK'

Dalam era teknologi masa kini di mana maklumat boleh dicapai dimana sahaja, adalah menjadi cabaran kepada perpustakaan bagi menarik minat pengunjung ke perpustakaan. Sedar akan situasi tersebut, PTAR Puncak Perdana telah mengambil inisiatif untuk mentransformasi ruang perpustakaan agar relevan dengan kehendak pengguna masa kini. Bermula pada tahun 2016 dengan pewujudan Ruang 'Kafe Hipster' dan Ruang Santai 'Meja Jepun', kini satu lagi ruang telah berjaya dihasilkan iaitu Ruang 'Kafe Kek'.



Ianya berjaya dihasilkan dengan kerjasama dari Staf PTAR Puncak Perdana, pihak Pengurusan Fasiliti Puncak Perdana, Pelajar SKP dan Pelajar Latihan Industri. Semoga dengan adanya ruang yang telah diberi nafas baru ini dapat menarik minat dan menjadikan "Perpustakan sebagai rumah keduaku".



SESI PERKONGSIAN ILMU BERSAMA PELAJAR FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

Sesi ini dianjurkan dengan kerjasama Pensyarah Fakulti Pengurusan Maklumat (Pn. Mazwani Ayu) bagi mendedah kepada para pelajar mengenai fungsi pengkatalogan dalam perpustakaan. Pada sesi ini juga diterangkan mengenai kegunaan Kad Katalog sebelum kewujudan OPAC. Seramai 60 orang pelajar telah menghadiri sesi ini. Bagi sesi praktikal, para pelajar ditugaskan untuk menyusun buku dalam perpustakaan bagi mendedahkan kepada mereka mengenai pentingnya proses pengkatalogan dan pengkelasaran bahan dalam pengurusan Perpustakaan. Para pelajar telah diberikan sijil penyertaan setelah selesai dari aktiviti ini.



LAWATAN DARI SEBERANG

Sepanjang September ini, PTAR Puncak Perdana telah menerima dua delegasi lawatan dari negara seberang iaitu Indonesia. Pada 18 September 2017, delegasi lawatan dari Pensyarah & Pelajar Program Perpustakaan dan Informasi, Universitas Pendidikan Indonesia, Bandung telah meluangkan masa hampir dua jam di dalam PTAR Puncak Perdana. Lawatan ini memberi pendedahan dan pengalaman kepada para pelajar tentang transformasi PTAR Puncak Perdana. Pada 28 September 2017 pula, delegasi dari Universitas Hasanuddin, Kampus Tamalanrea, Makassar yang diketuai oleh Dr. Eng. Ihsan, ST.,MT. Lawatan ini menjurus kepada perkhidmatan koleksi digital yang ditawarkan di perpustakaan. Mereka turut diiringi oleh wakil dari UiTM Holdings selaras dengan usaha kerjasama yang sedang dirancang antara Fakulti Pengurusan Maklumat dengan Universitas Hasanuddin.



PAMERAN HARI MALAYSIA

Informasi berkaitan hari Malaysia telah dipamerkan melalui poster dan arca yang dimenangi oleh staf pembantu pustakawan iaitu Mohammad Norakmal, Nurain Md Jani, dan Shahful Aisham dalam pertandingan Semarakkan Hari Merdeka anjuran Hal Ehwal Islam Kampus Sungai Buloh.



KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT: SESI ORIENTASI KADEAH PENCARIAN & ENDNOTE X8

Pada 6 hb September 2017, satu sesi orientasi dan latihan telah diadakan di makmal komputer 2, Bangunan Akademik. Sesi telah dihadiri oleh 11 orang pelajar pasca siswazah pergigian. Manakala, pada 15 hb September 2017, sesi dihadiri oleh 3 orang pelajar pasca siswazah perubatan.



LAWATAN PIHAK LUAR PERPUSTAKAAN TUN DR ISMAIL



PAMERAN SEHATI SEJIWA SEMPENA HARI MALAYSIA 16 SEPTEMBER 2017



GOTONG ROYONG 5S REKOD DAN FAIL SETIAP UNIT DI PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI



AKTIVITI SEPANJANG BULAN SAMBUTAN HARI MALAYSIA & KEMERDEKAAN DI PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI



Johan Pertandingan Fotografi Kemerdekaan Flora Fauna yang di sertai oleh En Ismail B. Zainudin Pembantu Pustakawan Perpustakaan Al-Bukhari



Juri Pertandingan Fotografi Kemerdekaan Flora Fauna.



Treasure Hunt #merdekaRia yang di sertai oleh pasukan Cik Nurfarahwahedah bersama Pembantu Pustakawan Perpustakaan Al-Bukhari

PAMERAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR)

CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH



AKTIVITI PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, NEGERI SEMBILAN



PAMERAN SAMBUTAN HARI MALAYSIA

**TAKLIMAT
PERPUSTAKAAN
MINGGU DESTINI
SISWA UiTM**



AKTIVITI PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, NEGERI SEMBILAN



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN PELAJAR BAHARU KAMPUS REMBAU



**SMART
CLASSROOM
@ PTAR REMBAU**

AKTIVITI PERPUSTAKAAN CAWANGAN MELAKA



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN PROGRAM MINGGU DESTINI SISWA (MDS) SESI SEPTEMBER 2017-JANUARI 2018



**UNIVERSITAS ISLAM NEGERI
(UIN) IBRAHIM MALIK MALANG,
INDONESIA**

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN MELAKA



Taklimat Perpustakaan Minggu Destini Siswa (MDS) & Minggu Pemantapan Siswa (MPS)

Tarikh: 04 & 11 September 2017

Tempat: Bilik ZDKU, Aras 5 & Auditorium, Aras 4



**LAWATAN DARI UNIVERSITAS
ISLAM NEGERI (UIN)
MALANG, INDONESIA
“INTER-VARSITY INTERNATIONAL
INTERNSHIP 2017”**

Tarikh: 12 September 2017

Tempat: Pusat Sumber Aras 1 & Aras 12

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN MELAKA



LAWATAN DARI SEKOLAH KEBANGSAAN SERKAM, MERLIMAU, JASIN, MELAKA

Tarikh: 13 September 2017
Tempat: Pusat Sumber Aras 1 & Aras 12



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN SEMPENA MINGGU PEMANTAPAN SISWA

Tarikh: 7 September 2017
Tempat: Auditorium Aras 6, Blok Kuliah UiTM Cawangan Melaka

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN KEDAH



SK Bandar Tasik Mutiara (27 Sept 2017)



SMK Serdang Baru (28 Sept 2017)

LAWATAN AKADEMIK KE PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH



MAJLIS PERSARAAN PUAN ASMAH MAAROF & ENCIK AZMAN BIN SHARAN

Tarikh: 8 September 2017 | Masa: 3.00 petang
Tempat: Bilik Seminar PTAR 1



PENILAIAN PANEL PENILAI PERTANDINGAN SUDUT KEMERDEKAAN

Tarikh : 14 September 2017
Masa: 9.30 pagi
Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak





LAWATAN MESRA YBHG. TAN SRI DATO' SRI SALLEHUDDIN MOHAMED, PRO-CANSELOR, UiTM

Tarikh : 14 September 2017 | Masa: 3.00 petang
Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak



MAJLIS PERSARAAN Tn. Hj. ROSLI MOHAMAD

Tarikh: 29 September 2017 | Masa: 3.00 petang
Tempat: Bilik Seminar PTAR 1





MISI IQRA' 2017

Tarikh : 28 & 29 Ogos 2017

Tempat : Rumah Kanak-kanak Taman Bakti, Kepala Batas



KUMPULAN KIK IDEALISTIK NAIB JOHAN MINI KONVENTSYEN KIK ZON SELATAN

Tarikh: 20 September 2017

Tempat: UiTM Negeri Sembilan, Cawangan Kuala Pilah



BENGKEL PEMANTAPAN SISTEM PERPUSTAKAAN

Tarikh : 06 & 07 September 2017

Tempat : Makmal Komputer PTAR Kampus Rembau

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS KUALA PILAH



SESI BERGAMBAR BERSAMA BEKAS MANTAN MPP UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS KUALA PILAH

Tarikh: 13 September 2017

Tempat: PTAR Kampus Kuala Pilah



TAKLIMAT SEMPENA MINGGU DESTINI SISWA (MDS) PTAR KAMPUS MUKAH

Tarikh : 06 September 2017
Tempat : Dewan Sri Balau



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN PTAR KAMPUS SAMARAHAN

Tarikh: 09 September 2017
Tempat: Riverside Majestic Hotel

AUDIT DALAMAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (QE/5S)

Tarikh : 15 September 2017
Tempat : PTAR Kampus Samarahan 2



SEMINAR 4TH INDUSTRIAL REVOLUTION AND LIBRARY 4.0: WHERE ARE WE?

Tarikh: 26 hingga 27 September 2017 | Tempat: Institute of Leadership & Development (ILD)
UiTM, Bandar Enstek, Nilai , Negeri Sembilan



MAJLIS MAKAN MALAM STAF PTAR SARAWAK 2017

Tarikh : 30 September 2017
Tempat : Sarawak Club, Jalan Taman Budaya Kuching

